

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAMALAN IBADAH SOLAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SELANGOR

Students' Perceptions of Prayer Practice in Institutions of Higher Education in Selangor

*Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Haslina Hamzah, Zetty Nurzuliana Rashed, PhD
Noor Shamshinar Zakaria & Zakiah Hassan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
e-mel: salihinhafizi@kuis.edu.my*

ABSTRAK

Solat merupakan ibadah yang sangat penting sebagai tanda pengabdian diri dengan mengingati Allah SWT. Ibadah solat ini juga wajib bagi setiap umat Islam dalam apa jua keadaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia Muslim di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Persampelan kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah melibatkan seramai 384 orang responden daripada pengajian di peringkat Institut Pengajian Tinggi di Selangor. Hasil dapatan menunjukkan tahap pengamalan solat mempunyai nilai min 3.94. Maka dapatan pengamalan solat ini membuktikan bahawa amalan dan penghayatan solat yang sempurna amat dituntut dalam mengawal diri dalam mengharungi cabaran hidup semasa. Oleh itu, kajian ini menunjukkan tahap pengamalan ibadah solat dapat memberi kesan positif kepada belia khususnya.

Kata kunci: pengamalan, ibadah, solat

ABSTRACT

Prayer is a very important worship as a sign of devotion by remembering Allah SWT. This prayer is also obligatory for every Muslim in any situation. This study aims to identify the level of prayer practice among Muslim youth in Selangor. This study uses a survey method that for a questionnaire as a research instrument. The sampling of this study uses simple random sampling involving a total of 384 respondents from Institutions of Higher Education in Selangor. The results show that the level of prayer practice has a mean value of 3.94. Therefore, the findings of the practice of prayer prove that the practice and appreciation of perfect prayer is very much demanded in self-control in facing the challenges of current life. Therefore, this study shows that the level of prayer practice can have a positive effect on youth in particular.

Keywords: practice, worship, prayer

PENGENALAN

Solat merupakan ibadah yang sangat perlu dititikberatkan oleh semua umat Islam khususnya. Kewajipan solat menjadi satu wajib bagi setiap umat Islam dalam apa jua keadaan. Dalam kajian Rokiah Ahmad (2009) menyenaraikan beberapa hikmah bersolat antaranya menghapus dosa, melatih diri menjadi seorang yang berdisiplin kerana dengan melakukan solat secara sempurna dapat mendidik dan membiasakan seseorang hidup dalam keadaan teratur dan menghargai waktu. Solat juga mendidik seseorang berada dalam keadaan bersuci sama ada pada badan, pakaian atau tempat. Secara tidak langsung menjadikan jiwa seseorang itu bersih dan melatih seseorang bersikap jujur dan selalu ingat kepada Allah SWT. Justeru, segala perbuatan dan tingkah laku tidak akan menyalahi dengan batas-batas hukum yang digariskan oleh Allah SWT.

Dalam melahirkan belia yang berwawasan perlu ada satu usaha yang seimbang dan harmoni yang perlu digembleng secara jelas agar imej belia dapat mempamerkan imej diri yang tinggi. Belia perlu menguasai segala cabang ilmu dalam mengubah nasib dirinya, keluarga, masyarakat dan negara.

Namun sejak kebelakangan ini banyak masalah sosial yang berlaku dan lebih mengejutkan adalah penglibatan belia secara langsung. Masalah sosial yang dihadapi belia mungkin merosakkan imej belia dalam proses pembangunan modal insan. Kegiatan sosial yang berlaku pada belia bukan hanya buli atau ponteng malah lebih kepada kegiatan jenayah. Menurut Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak (2004), dalam Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'aba Helmi Khamisan, (2008) kegiatan jenayah ini berpunca daripada kekurangan ilmu pengetahuan tentang agama dari aspek keyakinan terhadap Allah dan Rasul. juga dipengaruhi faktor lain yang menyebabkan belia terlibat dalam kegiatan tidak bermoral seperti perkembangan diri, pengaruh rakan sebaya, limitasi sistem pendidikan, tindak balas negatif orang dewasa, dan lain-lain.

Faktor berlakunya masalah sosial ini ialah kurangnya ilmu pengetahuan tentang agama malah tiada keyakinan terhadap Allah SWT dan rasul. Kajian Mohd Najib Najmuddin (2003, dalam Zaharah Hussin 2005) terhadap 60 orang pelajar Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur menunjukkan hubungan pelajar dengan Allah menerusi amalan-amalan tertentu terutamanya ibadah solat menunjukkan masih ramai lagi pelajar Islam yang tidak menunaikan solat. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung kepada isu belia dari aspek pelaksanaan solat serta pemilikan nilai spiritual sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia khususnya di Selangor.

PERSOALAN KAJIAN

Apakah pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia khususnya di Selangor?

SOROTAN LITERATUR

Solat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dan Fardhu Ain menjadi tanggungjawab individu khususnya umat Islam. Solat juga merupakan ibadah utama sebagaimana yang digariskan di dalam rukun Islam, maka perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja dalam keadaan sedar dan waras menggambarkan individu tersebut mempunyai sikap yang tidak menitikberatkan soal beragama dan cuai terhadap tanggungjawab besar yang telah diamanahkan (Sharifah Nur Abu, 2012).

Solat adalah teras utama kepada agama Islam. Tertegaknya Islam dalam kehidupan setiap individu muslim amat bergantung kepada pelaksanaan solat mereka seharian. Noriah Mohd Ishak (2004) menegaskan bahawa mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran dianggap meruntuhkan agamanya sehingga layak dihukum bunuh oleh pemerintah sekiranya enggan bertaubat dari perbuatan meninggalkan solat apabila disuruh berbuat demikian.

Solat yang dilakukan secara konsisten dapat melahirkan belia yang seimbang terhadap tuntutan agama dan urusan dunia. Sebaliknya, keperibadian mulai belia akan mengundang kesan buruk jika solat diabaikan. Belia yang gagal menjadi modal insan yang berkualiti dan berintegriti pada masa akan datang terjebak menghadapi isu jenayah dan gejala sosial. Apabila ibadat solat seseorang itu baik maka akan baiklah seluruh amal dan perbuatan, sebaliknya apabila rosak ibadatnya maka rosaklah seluruh amalannya (Hasan Salman, 2008). Oleh itu, mengerjakan solat salah adalah satu perkara penting kepada manusia yang mampu membawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Justeru, melihat kepentingan kedudukan solat di sisi syariat Islam, maka Allah SWT telah memberi amaran keras terhadap orang yang lalai atau meninggalkan solat. Berdasarkan zahir nas, para ulama berpendapat bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja jatuh kufur sebagaimana kufurnya orang kafir.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif iaitu kajian yang menjalankan satu tinjauan terhadap pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah tersebut dan juga menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005)

Sampel kajian ini adalah seramai 384 orang belia di kawasan Selangor mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) berdasarkan populasi oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pensampelan bertujuan yang berfokus golongan belia dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun, di lima daerah. Daerah tersebut meliputi Hulu Langat, Gombak, Sepang, Hulu Selangor dan Petaling. Berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970, dalam Chua, 2006), dengan kadar populasi 2800, bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini seramai 338 orang.

Bagi penganalisan data, pengkaji menggunakan statistik deskriptif. Analisis deskriptif yang digunakan adalah bagi menghurai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data yang dihuraikan berdasarkan analisis ini melibatkan instrumen iaitu soal selidik. Data kajian yang diperoleh daripada set soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Bagi menilai tahap interpretasi kajian ini, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang telah digunakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-------------|-----------------------|
| 1.00 - 2.00 | Rendah |
| 2.01 - 3.00 | Sederhana rendah |
| 3.01 - 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01-5.00 | Tinggi |

Sumber: Nunnally & Bernstein, (1994)

DAPATAN

Jadual 2 menghuraikan hasil dapatan deksriptif bagi konstruk pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia di Selangor. Hasil keseluruhan min bagi konstruk pengamalan ibadah solat adalah 3.94 menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia di Selangor masih dalam keadaan baik.

Jadual 2

Analisis Deskriptif Item Pengamalan terhadap Ibadah Solat

| | Min | Sisihan Piawai | Intepretasi |
|--|------|----------------|------------------|
| Saya mengerjakan solat 5 waktu sehari semalam. | 4.47 | .677 | Tinggi |
| Saya akan segera mengerjakan solat fardhu sebaik sahaja masuk waktu. | 3.91 | .680 | Sederhana Tinggi |
| Saya selalu mengerjakan solat-solat sunat di samping solat fardhu. | 3.55 | .803 | Sederhana Tinggi |

| | | | |
|---|-------------|------|-------------------------|
| Saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki bacaan dalam solat. | 4.36 | .629 | Tinggi |
| Saya sentiasa berusaha untuk menghafal surah-surah al-Quran dengan hasrat untuk membacanya di dalam solat. | 4.15 | .725 | Tinggi |
| Saya sentiasa berusaha untuk memahami maksud bacaan dalam solat. | 4.15 | .710 | Tinggi |
| Saya sentiasa membaca wirid selepas solat fardhu. | 3.91 | .800 | Sederhana Tinggi |
| Saya sentiasa membaca doa setiap kali selesai solat fardhu. | 4.51 | .662 | Tinggi |
| Saya sentiasa mengqada'kan solat fardhu yang ditinggalkan. | 4.23 | .824 | Tinggi |
| Saya pernah meninggalkan solat fardhu. | 3.69 | 1.09 | Sederhana Tinggi |
| Saya sering menunaikan solat fardhu di akhir waktu. | 3.05 | 1.09 | Sederhana Tinggi |
| Saya sering merasa malas untuk menunaikan solat fardhu. | 2.68 | 1.17 | Sederhana Rendah |
| Saya sentiasa melambat-lambatkan untuk mengqada' solat fardhu yang ditinggalkan kerana terlupa atau tertidur. | 2.81 | 1.22 | Sederhana Rendah |
| Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat. | 4.31 | .811 | Tinggi |
| Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat . | 4.67 | .643 | Tinggi |
| Ibu bapa saya sering melakukan solat berjemaah di rumah. | 3.96 | .964 | Sederhana Tinggi |
| Saya berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna. | 4.62 | .575 | Tinggi |
| Jumlah Min Keseluruhan | 3.94 | | Sederhana Tinggi |

Bagi dapatan item menunjukkan terdapat 9 item mempunyai interpretasi tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi adalah Saya telah dididik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat adalah (min:4.67), Saya berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna.(min:4.62), Saya sentiasa membaca doa setiap kali selesai solat fardhu (min:4.51), Saya mengerjakan solat 5 waktu sehari semalam (min:4.47), Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat.(min:4.31), Saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki bacaan dalam solat (min:4.36), Saya sentiasa mengqada'kan solat fardhu yang ditinggalkan.(min:4.31), Saya sentiasa berusaha untuk menghafal surah-surah al-Quran dengan hasrat untuk membacanya dalam solat dan item Saya sentiasa berusaha untuk memahami maksud bacaan dalam solat. (min:4.15)

Terdapat 5 item yang menunjukkan tahap sederhana tinggi. Item yang mempunyai item sederhana tinggi adalah item Ibu bapa saya sering melakukan solat berjemaah di rumah (min:3.96), Saya sentiasa membaca wirid selepas solat fardhu dan Saya akan segera mengerjakan solat fardhu sebaik sahaja masuk waktu.(min:3.91), Saya pernah meninggalkan solat fardhu.(min:3.69), Saya selalu mengerjakan solat-solat sunat di samping solat fardhu. (min:3.55) dan item yang terakhir Saya sering menunaikan solat fardhu di akhir waktu (min:3.05). Bagi item sederhana rendah pula dalam dapatan ini terdapat 2 item sahaja iaitu item Saya sentiasa melambat-lambatkan untuk mengqada' solat fardhu yang ditinggalkan kerana terlupa atau tertidur (min:2.81) dan Saya sering berasa malas untuk menunaikan solat fardhu. (min:2.68).

PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden yang sudah tidak berada dalam pengawasan ibu tentang solat pada awal waktu atau kehidupan berasrama. Hal ini dapat berdasarkan kepentingan belia dalam menjaga solat Jemaah, bacaan Yassin dan kuliah agama tanpa penagawasan keluarga semasa dalam kehidupan berasrama.

Selain itu, pembacaan dalam solat serta penghafalan surah al-Quran dalam solat memberikan lebih khusyuk semasa solat. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Sabri Mamat et al. (2009) mendapati amalan zikir, doa dan membaca al-quran menyumbang kepada peningkatan kesedaran sendiri dan hal ini seterusnya mempengaruhi pembentukan akhlak individu serta keterlibatan dalam jenayah delinkuen.

Nur Najihah Ismail dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar (2017) berpendapat amalan kerohanian menyumbang kepada pembentukan akhlak dengan mewajibkan solat berjemaah dan mendidik pelajar dan penekanan kepada solat sunat. Pelaksanaan amalan kerohanian memberi pilihan kepada pelajar untuk menghidupkan solat sunat tahajud atau tasbeih, penceritaan kisah hadis serta sirah dan mengukuhkannya melalui nasihat, pelaksanaan rotan dan zikir.

Selain itu, bagi sesetengah responden yang meninggalkan solat fardhu secara sengaja perlulah mengqada' solat fardhu tersebut. Qada solat mengikut hukum syarak dibolehkan bagi mereka yang tertidur sehingga melepasi waktu solat tertentu dan orang yang lalai atau terlupa waktu solat. Walau bagaimanapun mereka wajib mengqada solat dengan segera apabila sedar kesilapan tersebut dan wajib untuk untuk qada dan bertaubat bagi mereka yang sengaja meninggalkan solat.

Persekitaran juga mendorong pengamalan ibadah solat. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Buerah Tunggak et al. (2015). Mereka mendapati faktor-faktor yang menyebabkan belia terlibat dengan jenayah delinkuean termasuklah sikap pelajar, latar belakang keluarga, rakan sebaya, persekitaran dan pengaruh media massa. Benar kata pepatah arab, berkawan dengan penjual minyak wangi, wangilah kita, berkawan dengan tukang besi, terasa bahangnya. memilih rakan dan sahabat di sekeliling kerap kali menjadi nasihat orang tua dan pakar motivasi. Menurut Azizi et al. (2005) menekankan bahawa keakuran, kepatuhan dan ketaatan berlaku dalam fasa awal remaja sehingga akhir remaja. Kesannya akan menyebabkan berlakunya pengaruh rakan sebaya dan mudah terikut-ikut dengan pengaruh rakan.

RUMUSAN

Solat adalah salah satu kerohanian yang membentuk sahsiah diri dan personaliti individu menjadi lebih baik. Kewajipan setiap umat Islam perlu ditunaikan kerana adalah perintah Allah SWT. Hal ini perlu dititikberatkan dalam diri belia zaman kini. Di samping itu, amalan solat juga membuktikan bahawa pelaksanaannya yang sempurna dapat menjadikan seseorang lebih bertenaga, berdisiplin serta beroleh kecemerlangan. Kecemerlangan diri seseorang individu pula bergantung pada kekuatan diri sendiri. Menurut Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006), membina kepimpinan diri merupakan salah satu cara yang efektif untuk seseorang mencapai kecemerlangan diri ini. Kajian terhadap pengamalan ibadah solat ini sangat penting dalam pembentukan sahsiah diri.

RUJUKAN

Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). *Memimpin diri sendiri*. PTS

Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim, & Yusof Boon. (2005). *Psikologi sosial alam remaja*. PTS

Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'ba Helmi Khamisan.(2008). *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar muslim bersepadu (Students Delinquency and Proposed Solutions Through Teen Model of Conduct/Integrated Muslim Students). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(2), 11-30.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Mc Graw Hill.
- Hasan Salman. (2008). *Kesilapan & kekeliruan yang sering terjadi ketika solat*. Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin & Zuria Mahmud.(2004). Inventori Kecerdasan Emosi – Dewasa (IKEM-D).Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan Pendidikan* (Edisi Ke-5). Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najuddin Syed Hassan & Ab Halim Tamuri. (2009). Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 29-40.
- Nunnally, J.C. and Bernstein, I.H. (1994). The assessment of reliability. *Psychometric theory*, 3, 248-292
- Nur Najihah Ismail & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2017). Kerohanian Islam: Penghayatan Dari Sudut Amalannya. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 51-54.
- Sharifah Nur Abu. (2012). Pengamalan Solat fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *Proceeding International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II)*.
- Zaharah Hussin. (2005). *Mendidik generasi berakhlak mulia: Fokus peranan guru pendidikan Islam*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.